

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmannir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wabiheee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhamaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmatNya, mengizinkan kita berhimpun bagi menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke 48 pada hari ini.

Di sepanjang usia penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Beta telah menyaksikan banyak pembaharuan dan pembentukan. Dari sebuah angkatan bersenjata konvensional, menjadi sebuah entiti pertahanan yang mampu menyumbang kepada pembangunan bangsa, dan malah kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa melalui misi-misi pengamanan dan juga kemanusiaan luar negara.

Jelas sekali saiz yang kecil bukanlah halangan untuk kita maju ke hadapan dan berada pada kedudukan yang setanding dengan negara-negara lain. Malahan keadaan itu boleh jadi pendorong untuk kita lebih berdaya saing, sesuai dengan usia Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan mencapai Jubli Emasnya dalam masa hanya dua tahun lagi.

Beta berharap Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan meneruskan usaha-usaha pembentukan ini selaras dengan keadaan dan bentuk ancaman semasa, dengan memberikan penumpuan seimbang terhadap semua aspek dan elemen pertahanan.

Beta yakin, dengan usaha pembentukan yang bijak lagi seimbang, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus menjadi sebuah angkatan yang cekap, berkesan, dinamik.

Walau bagaimanapun, di samping memberikan sumbangannya kepada Negara dan keamanan antarabangsa, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga janganlah lupa terhadap tanggungjawabnya

memantapkan keselamatan dalaman perkhemahan-perkhemahan tentera yang ada.

Semua ini dilihat sebagai sama-sama penting, kerana jika ia diabaikan, ditakuti akan menggugat keupayaan dan pelaksanaan fungsi-fungsi utama Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, lebih-lebih lagi di masa akhir-akhir ini turut dirasakan bahang pelbagai ancaman keselamatan bukan tradisional seperti wabak penyakit berjangkit, krisis kewangan global dan kesan rumah hijau serta pemanasan global yang semakin banyak menyumbang kepada bencana alam.

Maka kearah usianya 50 tahun, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah perlu dari sekarang untuk menyusun rancangan bagi melahirkan Kertas Putih Pertahanan baru dengan penumpuan kepada ancaman-ancaman tersebut.

Beta berharap benar-benar, supaya perhatian dapat diberi secukupnya kepada usaha-usaha meningkatkan tahap profesionalisme serta nilai tambah bagi setiap anggota. Untuk tujuan ini, struktur perkembangan kerjaya dan syarat-syarat kerja (*terms of engagement*) mungkin telah sampai masanya untuk dinilai semula.

Beta juga mahu mengulangi peringatan betapa pentingnya faktor kepimpinan di dalam mana-mana organisasi termasuk Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Kepimpinan mestilah mantap dan berwibawa, kerana jika pemimpin porak-peranda maka akan kucar kacirlah organisasi yang dipimpin. Jadi Beta berharap supaya para pemimpin dan pegawai atasan akan sentiasa mempertahankan tahap kualiti pimpinan bagi menjamin kesempurnaan dalam pengurusan dan pentadbiran secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, Beta ingin mengambil peluang di sini untuk menyuarakan sokongan Beta terhadap usaha-usaha Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam melahirkan pemimpin-pemimpinnya yang berkualiti. Ini dicapai, antara lain, melalui penubuhan Sekolah Pegawai Kadet pada bulan Ogos tahun lepas. Beta turut mengambil maklum bahawa Sekolah ini telah pun melakukan pengambilan yang kedua, dan Beta menantikan hari yang bersejarah pada bulan Julai kelak bagi *Sovereign's Parade* yang pertama.

Akhir sekali, Beta suacita merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan yang selama ini telah dicurahkan oleh seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sama ada yang berada di dalam lebih-lebih lagi yang bertugas di luar negeri mahupun yang telah bersara. Beta mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke 48 dan sama-sama berdoa semoga kita akan sentiasa beroleh rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wataala. Amin.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.